



KENYATAAN MEDIA

BULAN WAKAF KEBANGSAAN 2025 : PENJENAMAAN SEMULA HOTEL WAKAF 'THE GRAND PUTERI HOTEL, TERENGGANU'

Mengoptimumkan Potensi Aset Wakaf Demi Manfaat Ummah

Dalam usaha menyokong hasrat kerajaan menjadikan wakaf sebagai elemen penting dalam pemeraksanaan ekonomi rakyat, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus menunjukkan komitmen dan proaktif dalam meningkatkan dana wakaf dan mengembangkan potensinya. Menerusi pelaksanaan inisiatif wakaf ekonomi yang bersifat komersil, dana wakaf dapat menghasilkan pulangan yang akhirnya akan dikembalikan manfaatnya kepada masyarakat yang memerlukan.

YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM hari ini telah hadir merasmikan Majlis Penjenamaan Semula Hotel Wakaf iaitu The Grand Puteri Hotel, Terengganu.

The Grand Puteri Hotel, Terengganu antara salah satu aset komersil wakaf yang diuruskan oleh YWM dan anak syarikatnya selain dua buah hotel lain iaitu Puteri Bay Hotel, Tanjung Kling, Melaka dan Hotel Seri Warisan, Perak serta 19 buah rumah kedai di Selangor, Johor, Melaka dan Kedah.

Menelusuri sejarah hotel ini, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) selaku pemilik hotel ini telah bersetuju untuk memajak hotel ini kepada YWM selama 25 tahun dan YWM telah melantik pihak ketiga untuk menguruskan operasi hotel ini menggunakan jenama 'Grand Puteri Hotel'. Selepas 10 tahun diuruskan melalui konsep ijarah (sewaan), YWM melalui anak syarikatnya iaitu Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) telah mengambil alih sepenuhnya pengurusan hotel ini melalui konsep Mudharabah.

Melalui pengambilalihan ini turut menyaksikan persetujuan dan sokongan penuh daripada pihak MAIDAM dan JAWHAR untuk menjenamakan semula hotel ini sebagai 'The Grand Puteri Hotel' dan turut serta dalam pengubahsuaian bagi meningkatkan lagi imej serta kemudahan hotel ini.

YB Senator turut menyatakan sehingga November 2024, The Grand Puteri Hotel telah mencatatkan hasil pendapatan berjumlah RM7,322,549.76, dengan jumlah Kadar Kepenghunian Purata atau *Average Occupancy Rate* (AOR) sebanyak 57% dan hasil pulangan kepada YWM direkodkan sehingga 30 September 2024 adalah berjumlah RM832,929.22. Manakala, pihak MAIDAM selaku pemilik hotel telah menerima bayaran pajakan berjumlah RM6,877,419.35 sehingga 31 Disember 2024.

Hasil daripada keuntungan ini sebahagiannya dikembalikan ke tabung wakaf dan turut diagihkan kembali kepada masyarakat yang memerlukan. Ini jelas menunjukkan projek wakaf ekonomi seumpama ini menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi yang mapan dan turut memberi manfaat yang berpanjangan kepada masyarakat dan negara.

Menerusi majlis yang sama, YWM telah meraikan seramai 52 orang anak-anak yatim dan miskin daripada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Darul Akhyar dengan majlis berbuka puasa dan turut menyumbangkan sebanyak RM10,000 kepada pertubuhan tersebut bagi pelaksanaan program ihya' ramadan dan sambutan aidilfitri akan datang..

Selaras dengan bulan Ramadan sebagai Bulan Wakaf Kebangsaan, YWM terus giat melaksanakan aktiviti agihan dana, sumbangan dan turun padang agar lebih ramai masyarakat yang memerlukan dapat disantuni dan dibantu.

-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
16 Mac 2025**

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

**Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my**

**Encik Aflah bin Aminudin
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-2271453 | aflah@ywm.gov.my**